



7 April 2026
7 April 2026
P.U. (A) 164

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (SYARIKAT
PENGENDALI PELANCONGAN) (PENGECUALIAN) 2026

*INCOME TAX (TOUR OPERATOR COMPANY)
(EXEMPTION) ORDER 2026*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (SYARIKAT PENGENDALI PELANCONGAN)
(PENGECUALIAN) 2026

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Syarikat Pengendali Pelancongan) (Pengecualian) 2026**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2026 hingga tahun taksiran 2027.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

“aktiviti yang layak” ertinya aktiviti yang layak sebagaimana yang diperuntukkan di bawah perenggan 3;

“orang yang layak” ertinya suatu syarikat yang—

(a) bermastautin di Malaysia dan diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*];

(b) merupakan pengendali pelancongan berlesen di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [*Akta 482*]; dan

(c) menjalankan aktiviti yang layak;

“pelancong asing” ertinya individu selain daripada pelancong tempatan, yang bukan warganegara Malaysia atau yang tidak bermastautin di Malaysia;

“perniagaan pengendalian pelancongan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Industri Pelancongan 1992.

Aktiviti yang layak

3. Aktiviti yang layak yang disebut dalam Perintah ini ialah suatu perniagaan pengendalian pelancongan yang menyediakan suatu pakej pelancongan dalam Malaysia yang digunakan oleh pelancong asing, termasuk pengangkutan melalui udara, darat atau laut dan penginapan.

Pengecualian

4. (1) Menteri mengecualikan orang yang layak daripada pembayaran cukai pendapatan dalam suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran berkenaan dengan pendapatan berkanun yang diperoleh daripada aktiviti yang layak dalam amaun yang bersamaan dengan nilai peningkatan pendapatan.

(2) Pengecualian yang diberikan di bawah subperenggan (1) hendaklah tertakluk kepada syarat bahawa jumlah bilangan pelancong asing bagi aktiviti yang layak itu tidak kurang daripada satu ribu orang dalam suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran.

(3) Jumlah bilangan pelancong asing bagi suatu aktiviti yang layak hendaklah ditentukan secara bertulis oleh seorang pegawai Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia yang diberi kuasa.

(4) Tiada apa-apa jua dalam subperenggan (1) boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan orang yang layak itu daripada mematuhi apa-apa kehendak untuk mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau memberikan apa-apa maklumat lain di bawah Akta.

(5) Bagi maksud perenggan ini, “nilai peningkatan pendapatan” ertinya perbezaan antara nilai pendapatan perniagaan orang yang layak yang diperoleh daripada pengendalian pakej pelancongan dalam Malaysia dalam tempoh asas itu dan nilai

pendapatan perniagaan orang yang layak yang diperoleh daripada pengendalian pakej pelancongan dalam Malaysia dalam tempoh sebaik sebelum tempoh asas itu.

Sumber berasingan dan akaun berasingan

5. (1) Jika orang yang layak menjalankan suatu aktiviti yang layak dan aktiviti selain suatu aktiviti yang layak, setiap aktiviti hendaklah dikira sebagai suatu sumber berasingan dan berlainan bagi orang yang layak itu.

(2) Orang yang layak yang diberikan suatu pengecualian di bawah subperenggan 4(1) hendaklah menyenggara suatu akaun yang berasingan bagi pendapatan yang diperoleh daripada setiap aktiviti yang disebut dalam subperenggan (1) dalam tempoh asas bagi setiap tahun taksiran.

Dibuat 16 Mac 2026

[Perb. MOF.700-2/7/2317; LHDN.AY.A 600-12/1/7 (29)-496; PN(PU2)80/JLD.116]

DATUK SERI AMIR HAMZAH BIN AZIZAN
Menteri Kewangan II

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 127(4) Akta Cukai Pendapatan 1967]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (TOUR OPERATOR COMPANY) (EXEMPTION) ORDER 2026

IN exercise of the powers conferred by paragraph 127(3)(b) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Income Tax (Tour Operator Company) (Exemption) Order 2026**.

(2) This Order has effect from the year of assessment 2026 to the year of assessment 2027.

Interpretation

2. In this Order—

“qualifying activity” means a qualifying activity as provided for under paragraph 3;

“qualifying person” means a company which is—

(a) a resident in Malaysia and incorporated under the Companies Act 2016 [Act 777];

(b) a licensed tour operator under the Tourism Industry Act 1992 [Act 482];
and

(c) carrying on a qualifying activity;

“foreign tourist” means individuals other than a local tourist, who are not citizens of Malaysia or not resident in Malaysia;

“tour operating business” has the meaning assigned to it in the Tourism Industry Act 1992.

Qualifying activity

3. A qualifying activity referred to in this Order is a tour operating business which provides a tour package within Malaysia utilized by foreign tourist, including transportation by air, land or sea and accommodation.

Exemption

4. (1) The Minister exempts a qualifying person from the payment of income tax in a basis period for a year of assessment in respect of the statutory income derived from a qualifying activity in an amount equivalent to the value of increase in income.

(2) An exemption granted under subparagraph (1) shall be subject to the condition that the total number of foreign tourists for a qualifying activity is not less than one thousand persons in a basis period for a year of assessment.

(3) The total number of foreign tourists for a qualifying activity shall be verified in writing by an authorized officer of the Ministry of Tourism, Arts and Culture Malaysia.

(4) Nothing in subparagraph (1) shall absolve or be deemed to have absolved the qualifying person from complying with any requirement to submit any return or statement of accounts or to furnish any other information under the Act.

(5) For the purposes of this paragraph, “value of increase in income” means the difference between the value of business income of the qualifying person derived from the operation of tourism package within Malaysia in the basis period and the value of business income of the qualifying person derived from the operation of tourism package within Malaysia in the period immediately preceding the basis period.

Separate source and separate account

5. (1) Where a qualifying person carries on a qualifying activity and an activity other than a qualifying activity, each activity shall be treated as a separate and distinct source for the qualifying person.

(2) The qualifying person which is granted an exemption under subparagraph 4(1) shall maintain a separate account for the income derived from each activity referred to in subparagraph (1) in the basis period for each year of assessment.

Made 16 March 2026

[Perb. MOF.700-2/7/2317; LHDN.AY.A 600-12/1/7 (29)-496; PN(PU2)80/JLD.116]

DATUK SERI AMIR HAMZAH BIN AZIZAN
Finance Minister II

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 127(4) of the Income Tax Act 1967]